

09 MAY 2002

Mahathir-Pelajar

PM JELAS KENAPA KEMASUKAN PELAJAR BUMIPUTERA KE IPTA MENINGKAT

KERTIH, 9 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata peningkatan kemasukan pelajar bumiputera ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara ini disebabkan ramai daripada mereka mengambil Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Bilangan pelajar bukan bumiputera yang ambil STPM kecil sedangkan pelajar bumiputera lebih besar, kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas kenyataan Kementerian Pendidikan hari ini bahawa jumlah kemasukan pelajar bumiputera lulusan STPM ke IPTA semakin meningkat.

"Keadaan ini saya rasa sementara. (Pelajar) bukan bumiputera kini boleh beri perhatian untuk ambil STPM supaya lebih ramai dapat masuk IPTA," katanya selepas melawat kompleks Industri Petroleum Petronas di sini hari ini.

Aapabila ditanya sama ada peningkatan peratusan pelajar bumiputera itu menggambarkan tahap keupayaan mereka yang semakin baik, Dr Mahathir berkata kerajaan telah memperkenalkan sistem meritokrasi setelah mendapati pencapaian pelajar bumiputera rendah kerana tidak berdaya saing.

Kuota kemasukan ke IPTA bagi lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan STPM sebelum ini ialah 55 peratus untuk pelajar Melayu, 35 peratus Cina dan 10 peratus India.

Kementerian Pendidikan hari ini mengumumkan bahawa kemasukan pelajar Melayu lulusan STPM tahun ini ialah 68.9 peratus, Cina 26.4 peratus dan India, 4.7 peratus.

-- BERNAMA

SN FA AKT MAI